



# **FORMAT PERTANDINGAN**

## **KEJOHANAN SUKAN MEMPERTAHANKAN DIRI**

## **KEBANGSAAN ANJURAN KBS KALI KE-11 2009**

### **KATEGORI DISIPLIN PSSCM**

#### **PENDAHULUAN**

1. Kejohanan Sukan Mempertahankan Diri Kebangsaan 2009 (SMD) ini diadakan pada 25-28 Jun 2009 bertempat di Dewan Darul Aman Suite Alor Star, Kedah.
2. SMD ini terbuka kepada semua cawangan PSSCM. **Jabatan Penerangan PSSCM** diberi tanggungjawab bagi mengendali, menyelaraskan dan membantu program tersebut. Sebarang bentuk arahan, peraturan dan larangan yang termaktub dalam **Buku Panduan Kursus Pertunjukan Dan Demostrasi Edisi ke-3 2008** di gunakan selain daripada Peraturan Pertandingan yang dilampirkan ini.
3. Format Pertandingan Persembahan ini telah diubahsuai pada **12 Jun 2009**.

#### **BAB 1 – PERATURAN PERTANDINGAN PERSEMBAHAN**

##### **A. KELENGKAPAN PERTANDINGAN PERSEMBAHAN**

1. Kawasan Pertandingan Persembahan
  - a. Kawasan persembahan merupakan empat segi dengan keluasan tidak kurang dari 100 meter persegi (10 x 10 meter, tertakluk kepada pengerusi pertandingan).
  - b. Kawasan persembahan adalah di petak pertandingan.
2. Kelengkapan Kawasan Pertandingan Persembahan
  - a. Jam pertandingan
  - b. Gong atau wisel
  - c. Rujuk pelan petak pertandingan di Lampiran 1  
*Nota: Kelengkapan di atas disediakan oleh pihak penganjur.*
3. Kelengkapan Pasukan
  - a. Pakaian pesilat bagi setiap kategori adalah uniform / pakaian silat cekak lengkap (tengolok biru, baju & seluar, tali pinggang putih dan capal putih).
  - b. Kelengkapan peralatan semasa persembahan seperti senjata dan lain-lain, disediakan oleh pasukan masing-masing.
  - c. CD atau tape muzik disediakan oleh Sekretariat Pertandingan.

## **B. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

1. Peserta hendaklah terdiri dari lelaki dan wanita yang telah tamat belajar Seni Silat Cekak Malaysia bagi semua peringkat dan tidak dibenarkan berpasangan antara lelaki dan wanita. Tenaga pengajar yang menyertai pertandingan dimestikan memakai tali pinggang putih.
2. Ahli yang menyertai pertandingan mestilah peserta yang bebas atau tidak dikenakan sebarang tindakan disiplin oleh PSSCM cawangan negeri.
3. Setiap pasukan diwajibkan mengambil **SEMUA** bahagian mengikut kategori yang dipertandingkan. Jika pasukan tersebut tidak menyertai semua kategori, maka ia akan hilang kelayakan sebagai juara keseluruhan walaupun memiliki 4 pingat emas.
4. Setiap pasukan negeri berjumlah 12 orang pesilat termasuk, seorang Pengurus Pasukan, Jurulatih Pasukan, Pegawai Pengulas. Pengurus Pasukan dan Jurulatih Pasukan tidak dibenarkan mengambil bahagian.
5. Seseorang pesilat tidak boleh mewakili lebih dari satu pasukan tetapi dibenarkan untuk menyertai setiap kategori persembahan bagi pasukannya sahaja.
6. Setiap pesilat mestilah didaftarkan di dalam borang pendaftaran penyertaan yang disediakan oleh Sekretariat Pertandingan sebelum pertandingan bermula.
7. Sebarang pertukaran kepada senarai pesilat tidak boleh dibuat setelah pertandingan bermula melainkan atas sebab-sebab tertentu seperti, pesilat sakit, cedera atau menghadapi kesulitan keluarga dengan mendapat kelulusan Pengerusi Pertandingan.
8. Setiap pesilat yang menyertai pertandingan ini mestilah sihat tubuh badan.
9. Sebarang kemalangan yang berlaku ke atas pesilat atau pasukan tersebut, pihak penganjur dan Sekretariat Pertandingan tidak bertanggungjawab.
10. Setiap pasukan hendaklah melengkapkan borang penyertaan yang disediakan oleh Sekretariat Pertandingan samada di faks atau di email.
11. Peraturan pertandingan serta borang-borang yang berkaitan akan dipaparkan di website **[www.silatcekak.org.my](http://www.silatcekak.org.my)**
12. Mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Pertandingan.

## **C. CORAK DAN WAKTU PERTANDINGAN PERSEMBAHAN**

Kejohanan ini mempunyai 5 (lima) kategori untuk dipertandingkan. Kategori-kategori tersebut adalah seperti berikut:

1. **Kategori 1 – masa 2 ½ minit , 6 – 10 pesilat**  
Mengikut sukatan pelajaran Silat Cekak, dilarang mengubahsuai persembahan dan mesti mengikut turutan – **Wajib**
  - a. **Senaman Cekak - termasuk Kaedah A, B, C & D serta senaman baru (rujuk CD yang dibekalkan oleh JP PSSCM)**
  - b. **Buah Jatuh (pilih 5 buah sahaja)**
    1. Buah Pertama
    2. Sendeng Atas
    3. Ali Patah Sudah Pecahan ke 2
    4. Keputusan Lintau
    5. Buah Kuntau Kiri
    6. Buah Kilas Depan
    7. Buah Selendang
    8. Hempuk Pecahan ke2
    9. Buah Hentak
    - 10.K. Pasung Kembang

2. **Kategori 2- Adegan Tempur Berpasangan - Wajib**

masa 2 ½ minit, 2 orang pesilat

**Pilih 3, diantara 'a hingga d'** dilarang mengubahsuai persembahan dan mesti mengikut turutan

- a. sepasang buah jatuh
- b. sepasang pisau
- c. sepasang kaki
- d. sepasang tongkat

3. **Kategori 3 - Adegan Umum Tangan Kosong** dilarang mengubahsuai persembahan dan mesti mengikut turutan

masa 2 ½ minit, 8 – 10 orang pesilat

**Pilih 2, diantara 'a hingga c'** dilarang mengubahsuai persembahan dan mesti mengikut turutan

- a. umum serangan kaki
- b. umum serangan tangan kosong
- c. empat serang satu

4. **Kategori 4 - Adegan Bermuzik**

masa 4 minit, 8 – 10 orang pesilat

Corak persembahan ini diiringi oleh muzik secara langsung atau pita rakaman. Pesilat dimestikan beruniform Silat Cekak Malaysia. Adegan ini jika tidak diiringi dengan muzik, markah tidak akan dinilai. Hanya muzik "**SEMERAH PADI & PANTOMIN SC**" sahaja yang dibenarkan. Pihak Sekretariat Kejujutan akan menyediakan muzik tersebut.

5. **Kategori 5 - Adegan Praktikal**

masa 7 minit, 8 - 10 orang pesilat, termasuk seorang pengulas

Tajuk adegan ini berkisar tentang "**kelebihan Silat Cekak membentuk keperibadian pengamalannya**". Skrip jalan cerita hendaklah diserahkan kepada Sekretariat Pertandingan semasa pendaftaran sebanyak **5 salinan**. Dilarang menggunakan sebarang adaptasi, gimik sama ada dari filem, drama, muzik background dan suara latar (tape atau cd).

**D. ATURAN PERTANDINGAN PERSEMBAHAN**

- 1. Setiap pertandingan persembahan adalah mengikut kategori yang dipertandingkan dan bukan mengikut pasukan masing-masing.
- 2. Setiap pasukan yang berdaftar akan diundi oleh Sekretariat Pertandingan bagi menentukan waktu giliran dan petak pertandingan.
- 3. Setiap pasukan dikehendaki bersedia 15 minit semasa pasukan terdahulu membuat persembahan. Jika pasukan tersebut tidak muncul semasa dipanggil, Sekretariat Pertandingan berhak menyingkirkan pasukan tersebut.
- 4. Larangan dalam persembahan dan setiap pasukan.
  - a. Persembahan yang membahayakan pesilat dan orang ramai.
  - b. Kelakuan yang kurang sopan dan mencabar.
  - c. Berambut panjang dan berekor (Lelaki sahaja).

- d. Tidak boleh terkeluar dari kawasan petak pertandingan semasa persembahan sedang dijalankan.
- e. Pesilat tidak boleh merokok semasa berada dalam dewan pertandingan.
- f. Setiap pesilat dan pasukan dilarang mempersembahkan format berikut:
  - i. buah potong
  - ii. buah serang
  - iii. buah 6 tolak 6
  - iv. buah kusyen
  - v. buah terjun
  - vi. mengambil serangan menggunakan kaki tanpa kaedah
  - vii. tongkat panjang
  - viii. teknik sijil menengah
  - ix. pemakan berulang-ulang
  - x. menggunakan senjata sebagai perisai diri
  - xi. aktiviti gerak perlahan (Slow Motion)
  - xii. peserta dilarang sama sekali menghentak, mengetuk, menikam lantai dan membaling senjata atau sebarang peralatan pertandingan.

## **E. PERLANGGARAN FORMAT PERTANDINGAN PERSEMBAHAN PSSCM**

Jika terdapat pesilat dan pasukan yang bertanding telah melanggar mana-mana peraturan seperti perkara di atas, Ketua Juri boleh mengambil tindakan samada membatalkan atau melarang pasukan tersebut dari terus bertanding setelah dirujuk kepada Dewan Hakim dan dipersetujui oleh Pengerusi Pertandingan.

Tindakan seperti berikut:

1. Mengurangkan nilai mata pasukan tersebut bagi setiap pelanggaran dan tidak mematuhi peraturan seperti contoh:
  - a. BAB 1 perkara B para 1-12, **pasukan tersebut akan dibatalkan atau nilai mata akan ditolak sebanyak 10 markah.**
  - b. BAB 1 perkara C para 1-5, **pasukan tersebut akan ditolak nilai mata sebanyak 5 markah.**
  - c. BAB 1 perkara D para 1-4, **pasukan tersebut akan dibatalkan atau ditolak nilai mata sebanyak 10 markah.**

**Setiap kali pasukan tersebut mengulangi pelanggaran yang sama atau yang lain markah akan ditolak.**

2. Bagi pasukan yang bertanding kurang atau lebih had waktu yang ditetapkan akan ditolak nilai mata, seperti berikut:
  - a. Kurang 50% masa yang diperuntukkan ditolak nilai sebanyak 3 markah.
  - b. Lebih dari 30 saat yang pertama ditolak nilai sebanyak 3 markah.
  - c. Lebih dari 30 saat yang kedua ditolak nilai sebanyak 3 markah.
  - d. Lebih dari 30 saat yang ketiga ditolak nilai sebanyak 3 markah.

## **F. PENILAIAN**

Pemarkahan bagi semua kategori yang dipertandingkan akan dinilai kepada 3 bahagian:

1. **Corak Persembahan** 100 markah
  - a. Disiplin
  - b. Kreativiti Teknik
  - c. Teknik Persembahan

2. **Kaedah & Keaslian** 100 markah

- a. Kecekapan & Ketangkasan
- b. Keyakinan & Kesungguhan
- c. Keaslian Kaedah

3. **Seni Persembahan** 100 markah

- a. Susun Atur (Set up)
- b. Kerapian Teknik
- c. Keaslian Persembahan

**Jumlah: 300 markah**

4. **Pemarkahan bagi Kategori 5 (Adegan Praktikal)**

- a. Pegawai Pengulas – 30 %
  - i. Penampilan Diri - 5 markah
  - ii. Intro Penerangan - 5 markah
  - iii. Kesungguhan - 5 markah
  - iv. Ketepatan Fakta - 5 markah
  - v. Kesimpulan - 10 markah
- b. Persembahan – 70 %
  - i. Kecekapan / Ketangkasan - 20 markah
  - ii. Synchronize (Pengulas & Persembahan) - 10 markah
  - iii. Keaslian Kaedah - 15 markah
  - iv. Kreativiti - 20 markah
  - v. Disiplin - 5 markah

## **G. PERLAKSANAAN PENGADILAN**

Bagi melaksanakan pertandingan persembahan beberapa jawatankuasa teknikal dibentuk :

1. **Pengerusi Pertandingan**

- a. Dilantik oleh Ketua Penerangan, PSSCM dengan persetujuan YM Guru Utama dan Presiden PSSCM
- b. Bertugas mengendalikan setiap pertandingan persembahan yang diadakan.
- c. Pengerusi Pertandingan mempunyai 'kuasa pemutus' untuk menentukan satu pasukan sahaja yang berjaya dalam pertandingan tersebut berdasarkan kepada kelebihan nilai markah 'Kaedah dan Keaslian'. Keputusan Pengerusi Pertandingan adalah muktamad.
- d. Membentuk dan melantik seketeriat pertandingan seperti berikut
  - i. Dewan Hakim
  - ii. Dewan Juri
  - iii. Ketua Juri
  - iv. Juri
  - v. Ketua Pertandingan
  - vi. Pemukul Gong / Wisel
  - vii. Pegamat Waktu
  - viii. Pengawas Petak Pertandingan
  - ix. Sekretariat Pertandingan

2. **Dewan Hakim**

Berfungsi sebagai badan rujukan dan rayuan jika terdapat masalah yang timbul semasa pertandingan persembahan dijalankan.

3. **Dewan Juri**

- a. Keutamaan terdiri daripada Tenaga Pengajar yang telah mengambil kursus pertunjukan dan demostrasi edisi ke3 2008 yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan
- b. Dewan juri bertanggungjawab untuk mengendalikan pertandingan persembahan yang telah ditetapkan. Setiap pertandingan akan diadili oleh 3 orang juri (pemberi markah).

4. **Ketua Juri**

- a. Mengetuai dan bertanggungjawab atas kelancaran pertandingan persembahan
- b. Mengatur tugas-tugas juri
- c. Melaporkan sebarang masalah yang timbul semasa pertandingan kepada Dewan Hakim.
- d. Mengesahkan pemarkahan dan memotong nilai markah jika persembahan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

5. **Juri**

- a. Memberi penilaian markah kepada setiap persembahan.
- b. Bersikap neutral dan tidak berat sebelah.
- c. Dapat membuat kesimpulan dan memberi nilai markah dengan cepat dan tegas.
- d. Menandatangani setiap borang pemarkahan.
- e. Setiap juri tidak digalakkan mengadili pertandingan persembahan jika pasukan yang bertanding adalah dari Kelas Latihannya sendiri.

6. **Ketua Pertandingan**

- a. Mengumumkan pesilat dan pasukan yang akan bertanding di dalam kategori masing-masing.
- b. Memastikan keadaan pertandingan terkawal.
- c. Boleh memberhentikan pertandingan persembahan jika terdapat pelanggaran syarat peraturan pertandingan persembahan atau masalah teknikal. DAN melaporkan kepada Pengerusi Pertandingan.
- d. Membuat teguran kepada Pengurus Pasukan sekiranya terdapat pelanggaran syarat pertandingan Persembahan.

7. **Pemukul Gong/ Peniup wisel**

- a. Membunyikan gong/wisel pertama menandakan permulaan persembahan
- b. Membunyikan gong/wisel kedua amaran 30 saat sebelum tamat waktu persembahan.
- c. Membunyikan gong/wisel penamat persembahan.
- d. Membunyikan gong/wisel keempat menandakan masa berlebihan 30 saat (nilai mata akan ditolak).

8. **Pengamat waktu**

- a. Menghidupkan jam pertandingan bagi memulakan setiap persembahan.
- b. Memberi isyarat kepada pemukul gong atau peniup wisel untuk memulai, memberi amaran waktu 30 saat sebelum masa persembahan tamat dan memberi amaran masa sudah tamat dan memberi amaran terakhir menandakan masa berlebihan 30 saat.

9. **Pengawas Petak Pertandingan**

- a. Memastikan keadaan penonton tidak berada terlalu hampir dengan petak pertandingan
- b. Memungut kertas pemarkahan Juri yang ditetapkan.
- c. Menjadi perantara Juri-juri dengan Ketua Pertandingan dan Sekretariat Kejohanan.

10. **Pengurus Pasukan**

Setiap pasukan perlu mempunyai seorang Pengurus Pasukan dan bertanggungjawab seperti berikut:

- a. Menentukan setiap pasukan dan pesilat membuat persembahan mengikut peraturan dan waktunya.
- b. Hadir semasa pengundian yang ditetapkan Sekretariat Pertandingan.
- c. Mematuhi segala peraturan dan syarat-syarat Pertandingan Persembahan.
- d. Tidak dibenarkan menjadi Juri Pertandingan.
- e. Bertanggungjawab ke atas persediaan giliran pasukannya yang akan bertanding.
- f. Sebarang bantahan, boleh berurusan dengan Sekretariat Pertandingan.

11. **Sekretariat Pertandingan**

- a. Menyediakan borang-borang / kertas pemarkahan.
- b. Menyediakan kemudahan Dewan Hakim, Ketua Juri & Juri semasa pertandingan berlangsung.
- c. Menyediakan keputusan pertandingan untuk diumumkan.
- d. Berhubung rapat dengan Urusetia Program.

12. **Pengarah Program**

Dilantik oleh YM Presiden dan Guru Utama PSSCM.

- a. Mengurus & menyediakan segala kemudahan & keperluan sepanjang pertandingan seperti tempat pertandingan, penginapan, sajian & logistik.
- b. Menguruskan adat istiadat pertandingan sebelum & selepas.
- c. Bekerjasama dengan Pengerusi Pertandingan.
- d. Berurusan dengan JBS Negeri selaku tuan rumah Kejohanan Sukan Mempertahankan Diri, Kementerian Belia dan Sukan

**H. TATACARA PERTANDINGAN**

Setiap pasukan/pesilat perlu mematuhi segala format persembahan yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Pesilat perlu memberi hormat kepada Dewan Juri sebelum dan selepas pertandingan
2. Berdisiplin dan bersopan sebelum pertandingan.
3. Setiap pertandingan yang hendak dimulakan mesti mematuhi arahan Ketua Pertandingan dan dimulai oleh pukulan gong atau tiupan wisel.
4. Bagi adegan bermuzik, masa yang diambil kira ialah setelah Ketua Pertandingan memberi arahan untuk memulakan walaupun muzik dimainkan.

## I. PELAN SUSUN ATUR PETAK PERTANDINGAN



## BAB 2 – PERATURAN PELAKSANAAN PERTANDINGAN

### A. BANTAHAN

Sebarang bantahan terhadap sesuatu keputusan, kelayakan pesilat dan peraturan pertandingan, Pengurus Pasukan boleh melaporkan kepada Pengerusi Pertandingan melalui Sekretariat Pertandingan. Keputusan Pengerusi Pertandingan adalah muktamad.

### B. HADIAH PERTANDINGAN

Juara pertandingan adalah berdasarkan bilangan pungenan pingat emas setiap kategori.

| KATEGORI      | EMAS      | PERAK     | GANGSA    |
|---------------|-----------|-----------|-----------|
| 1             | 10        | 10        | 10        |
| 2             | 2         | 2         | 2         |
| 3             | 10        | 10        | 10        |
| 4             | 10        | 10        | 10        |
| 5             | 10        | 10        | 10        |
| <b>JUMLAH</b> | <b>42</b> | <b>42</b> | <b>42</b> |

#### **Peringatan:**

- Penentuan Johan keseluruhan adalah dinilai daripada jumlah mata yang diperolehi oleh pasukan bertanding. Sekiranya terdapat persamaan jumlah pingat maka ia akan dinilai dari sudut jumlah nilai markah pada '**Kaedah dan Keaslian**'. Jika markahnya masih sama Sekretariat Pertandingan akan merujuk kepada Pengerusi Pertandingan.

### C. PAKAIAN

Pakaian rasmi semasa program pertandingan persembahan seperti berikut:

|                        |  |
|------------------------|--|
| Dewan Hakim            | - Baju Melayu Rasmi, Sampin Cekak dan Capal Putih.                     |
| Pengerusi Pertandingan | - Baju Melayu Rasmi, Sampin Cekak dan Capal Putih.                     |
| Pengarah Program       | - Baju Melayu Rasmi, Sampin Cekak dan Capal Putih.                     |
| Ketua Pertandingan     | - Baju Melayu Rasmi, Sampin Cekak dan Capal Putih.                     |
| Ketua Juri             | - Baju Melayu Rasmi, Sampin Cekak dan Capal Putih.                     |
| Juri                   | - Baju Melayu Rasmi, Sampin Cekak dan Capal Putih.                     |
| Sekretariat            | - Baju Melayu Rasmi, Sampin Cekak dan Capal Putih.                     |
| Pesilat/peserta        | - Uniform Silat Cekak (tengkolok, tali pinggang putih dan capal putih) |
| Pengurus Pasukan       | - Baju Batik Silat Cekak   |
| Pegawai Pengulas       | - Baju Batik Silat Cekak   |
| Jurulatih Pasukan      | - Baju Batik Silat Cekak   |

### D. ATURCARA JADUAL PERTANDINGAN UNTUK PSSCM YANG DIKELUARKAN OLEH KBS

| HARI                                 | PAGI   | PETANG  | MALAM  |
|--------------------------------------|--|---|--|
| Khamis<br>25.06.09<br>(Hari Pertama) | Pegawai/ Peserta melaporkan diri   | Taklimat Pengurusan oleh KBS  | Taklimat/<br>Pertandingan<br>(Teknikal)  |
| Jumaat<br>26.06.09<br>(Hari Kedua)   | Perasmian SMD Peringkat<br>Kebangsaan di Dewan Tertutup<br>Stadium Sultan Abdul Halim Jalan<br>Suka Menanti Alor Star<br>(Lihat Makluman Tambahan) | PSSCM<br>1) 2.30 p.m – 4.00 p.m<br>Perasmian SMD<br>2) 4.00 p.m – 6.00 p.m<br>Taklimat Juri | Pertandingan<br>Bermula Kategori 1-3<br><b>(dibatalkan)</b>  |
| Sabtu<br>27.06.09<br>(Hari Ketiga)   | 9.00 a.m – 1.00 p.m<br><b>Pertandingan PSSCM bermula<br/>kategori 1-5</b>  | 2.30 p.m – 5.00 p.m<br>Pertandingan PSSCM /<br>Majlis Penutup                               | 8.30 p.m – 12.00 p.m<br>Majlis Penutup/<br>Jamuan Makan<br>Malam anjuran KBS<br>(Lihat Makluman<br>Tambahan) |
| Ahad<br>28.06.09                     | Check Out  |   |  |

## **E. UNTUK MAKLUMAN TAMBAHAN**

Untuk makluman semua lokasi pertandingan pada peringkat awalnya diputuskan oleh pihak KBS di UiTM Machang Kelantan. Lokasi tersebut telah bertukar ke UUM Sintok. Makluman terakhir diterima pada 29 Mei 2009 tempat pertandingan telah diubah di Alor Star Kedah. Pihak KBS telah menetapkan lokasi pertandingan bagi PSSCM di Dewan Darul Aman Suite manakala tempat penginapan di Darul Aman Suite.

PSSCM telah memberi mandat kepada PSSCM Cawangan Kedah sebagai Tuan Rumah bagi mengendalikan program tersebut. Termasuk persiapan dewan, sajian dan penginapan (untuk juri sahaja). Sebarang pertanyaan mengenai pertandingan sila rujuk kepada Ketua Penerangan PSSCM En. Rosman bin Mat Deli.

### **1) ATURCARA PERASMIAN SMD PERINGKAT KEBANGSAAN 2009**

Tarikh: 26 Jun 2009  
Tempat: Dewan Tertutup Stadium Sultan Abdul Halim Jalan Suka Menanti Alor Star Kedah.  
Masa: 7.30 a.m – 12.30 p.m  
Kehadiran: Peserta SMD peringkat Negeri

### **2) ATURCARA PERASMIAN PENUTUP SMD PERINGKAT KEBANGSAAN 2009**

Tarikh: 27 Jun 2009  
Tempat: Dewan Tertutup Stadium Sultan Abdul Halim Jalan Suka Menanti Alor Star Kedah.  
Masa: 8.00 p.m – Kotinjen Negeri mengambil tempat  
8.15 p.m – Ketibaan dif-dif jemputan  
8.20 p.m – Ketibaan Ketua Pengarah dan KSU KBS  
8.30 p.m – Ketibaan YB Menteri Belia dan Sukan  
- Bacaan Doa  
- Ucapan Perasmian Penutup oleh Menteri Belia dan Sukan  
- Penyampaian Hadiah dan Cenderahati  
9.30 p.m – Persembahan Rakan Wajadiri Rakan Muda  
10.30 p.m – Majlis Bersurai

## **F. SEBARANG RUJUKAN & PENYERTAAN**

|                                   |                                 |                     |
|-----------------------------------|---------------------------------|---------------------|
| <b>Rosli bin Mansur</b>           | <b>Pengarah Program</b>         | <b>012-410 3758</b> |
| <b>Rosman bin Mat Deli</b>        | <b>Pengerusi Pertandingan</b>   | <b>019-269 1172</b> |
| <b>Abdul Karim bin Mohd Saeid</b> | <b>Sekretariat Pertandingan</b> | <b>019-353 8127</b> |

**BORANG PENDAFTARAN KEJOHANAN SUKAN MEMPERTAHANKAN DIRI**  
**KEBANGSAAN**

**KATEGORI SENI SILAT CEKAK MALAYSIA 2009**

(untuk diisi oleh Pengurus Pasukan/Cawangan dan diserahkan kepada Sekretariat Pertandingan)

CAWANGAN : .....

NAMA PASUKAN : .....

KATEGORI 

|   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|

  
(sila tanda  $\surd$  Kategori yang disertai)

|           | Nama | K/Pengenalan |
|-----------|------|--------------|
| Pengurus  |      |              |
| Jurulatih |      |              |

| Bil | Nama Pesilat | K/Pengenalan |
|-----|--------------|--------------|
| 1.  |              |              |
| 2.  |              |              |
| 3.  |              |              |
| 4.  |              |              |
| 5.  |              |              |
| 6.  |              |              |
| 7.  |              |              |
| 8.  |              |              |
| 9.  |              |              |
| 10. |              |              |

Tandatangan Pengurus Pasukan : .....

Tandatangan/cop pengesahan dari PSSCM Cawangan : .....

Pengesahan Sekretariat Pertandingan : .....